

U B293 DEB
MAHATHIR - FATWA * * *

KOTA BAHARU, 28 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENYIFATKAN TINDAKAN PEMIMPIN PAS MENGELUARKAN FATWA MENGIKUT EMOSI TANPA KAJIAN TERPERINCI SEBAGAI PERBUATAN YANG SESAT.

KATANYA, CARA PEMIMPIN PAS MENGELUARKAN FATWA SEPERTI FATWA MATI SYAHID IBRAHIM LIBYA DAN PARA PENGIKUTNYA DALAM PERISTIWA MEMALI TAHUN LEPAS, MEMBUKTIKAN BETAPA SESATNYA MEREKA.

TINDAKAN PEMIMPIN PAS MENGELUARKAN FATWA KERANA TEKANAN DAN PEKIKAN MEREKA YANG DI TEPI JALAN YANG TIDAK BERPENGETAHUAN MENDALAM MENGENAI ISLAM ADALAH BERTENTANGAN DENGAN AJARAN ISLAM SENDIRI, KATANYA.

SEMASA BERUCAP PADA MAJLIS PELANCARAN PROJEK BERSEPADU PENANAMAN PADI DI MULONG-LATING DEKAT SINI PETANG INI, BELIAU BERKATA, INI BERTENTANGAN DENGAN APA YANG DILAKUKAN OLEH KERAJAAN.

KERAJAAN MENGELUARKAN FATWA SECARA TERATUR SETELAH KAJIAN MENDALAM OLEH ALIM ULAMA, SEPERTI FATWA BAHAWA AJARAN QADIANI BUKAN AJARAN ISLAM.

BELIAU KESAL KERANA PARA PEMIMPIN PAS DENGAN SEWENANG-WENANG MENGKAFIRKAN KERAJAAN DAN PARA ANGGOTA UMNO TANPA MEMBUAT KAJIAN TERLEBIH DAHULU. -- LAGI.

2210MST 28 03 86

D775

U B294 DEB
MAHATHIR - FATWA 2 KOTA BAHARU

KATANYA, UMAT ISLAM DI NEGARA INI BERTANGGUNGJAWAB MEMBAWA PARA PENYOKONG PAS YANG DISESATKAN OLEH PEMIMPINNYA BALIK KE PANGKAL JALAN.

BELIAU MENYIFATKAN TINDAK-TANDUK PARA PEMIMPIN PAS MENGKAFIRKAN KERAJAAN DAN ORANG-ORANG UMNO AKHIR-AKHIR INI SEMATA-MATA BERTUJUAN MEMENANGI PILIHAN RAYA.

SEBELUM PAS BELUM WUJUD DI NEGARA INI, SOAL MENGKAFIR TIDAK TIMBUL DAN ISU ITU HANYA DIBANGKITKAN APABILA PILIHAN RAYA MENJELANG, KATANYA.

KATANYA, PENGIKUT-PENGIKUT PAS TELAH HILANG PERTIMBANGAN KERANA TERLALU TAKSUB KEPADA PEMIMPIN PAS, HAJI ABDUL HADI AWANG DAN MENGANGGAP BELIAU SEOLAH-OLAH SEORANG NABI DAN TIDAK AKAN MEMPERSOALKAN APA YANG DIKATAKAN OLEHNYA.

PERKEMBANGAN BEGINI AMAT BAHAYA KEPADA PERPADUAN UMAT ISLAM KERANA IA BOLEH MENCETUSKAN PERBALAHAN SESAMA SENDIRI, KATA DR. MAHATHIR.

BELIAU BERHARAP PARA PEMIMPIN PAS MENGHENTIKAN TINDAKAN YANG TIDAK BAIK, MENGHAPUSKAN AJARAN SESAT DAN KARUT SERTA BERJUANG ATAS LANDASAN YANG BENAR.

BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA UMNO TIDAK GENTAR MENGHADAPI PAS DALAM PILIHAN RAYA ASALKAN PARTI ITU TIDAK MEMPERALATKAN AGAMA UNTUK KEPENTINGAN POLITIK. -- BERNAMA.

2216MST 28 03 86